



#selangormajubersama

# BULETIN @ SUK

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Edisi Oktober - Disember 2020



**PEMBENTANGAN BELANJAWAN SELANGOR 2021**

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**



[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)



@selangorstategovernment



@pejabatసుకుselangor



[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)



@selangorstategovernment



@pejabatసుkselangor

## ISI KANDUNGAN

3 PROGRAM EDARAN PELITUP MUKA KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH SECARA PANDU LALU

4-6 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TELAH MENERIMA PENSIJILAN

7 1032 PETUGAS JALANI UJIAN SARINGAN COVID-19

8-9 PEMBENTANGAN BELANJAWAN SELANGOR 2021

10-12 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

13 MAJLIS PENYERAHAN SUBSIDI PROGRAM RIDE 2020

14 MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEBAJIKAN HARI KRISMAS PERINGKAT NEGERI SELANGOR

15 MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

16 SESI PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya

### PENASIHAT

Nor Azurah binti Nasir

### KETUA EDITOR

Nurulhaizan binti Haji Rais

### SIDANG EDITORIAL

Nooraini binti Jailani

Nor Fariza binti Daud

Adib bin Aziz

Hafizullah bin Mohd Hussin

### FOTOGRAFI

Ahmad Fadhli bin Yahya

Nadzir Asri bin Khairi

TARIKH : 7 OKTOBER 2020

# PROGRAM EDARAN PELITUP MUKA KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH SECARA PANDU LALU

TEMPAT : DEWAN JUBLI PERAK



Agihan pelitup muka (washable) kepada warga sekolah Negeri Selangor adalah hasil daripada pengumuman YAB Dato' Meneri Besar untuk mengedarkan pelitup muka kepada semua pelajar di Negeri Selangor. Inisiatif ini diambil adalah untuk membantu mencegah penularan wabak Covid-19 di Negara kita dan sekaligus membantu untuk meringankan beban ibu bapa untuk menyediakan bekalan pelitup muka kepada anak-anak untuk ke sekolah setiap hari. Inisiatif ini diperluaskan kepada guru-guru dan kakitangan di sekolah.

Pemberian pelitup muka pada kali ini telah dilaksanakan secara pandu lalu di mana wakil daripada sekolah yang hadir hanya perlu menunjukkan surat jemputan sementara kakitangan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia akan memasukkan kotak-kotak pelitup muka di dalam kereta. Ini amat memudahkan selain daripada dapat memastikan penjarakkan sosial dipatuhi bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

TELAH MENERIMA PENSIJILAN SEMULA EKSA DENGAN TARAF  
CEMERLANG DARIPADA MAMPU

TEMPAT : PEJABAT SUK SELANGOR | 12 - 13 OKTOBER 2020



Audit Pensijilan Semula EKSA Pejabat SUK Selangor telah dijalankan selama 2 hari bermula daripada pada 12 Oktober 2018 sehingga 13 Oktober 2018. Seramai dua orang panel daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) terdiri daripada Puan Zuasma Binti Yahaya (Ketua Penolong Pengarah Kanan) selaku ketua panel dan Cik Venothini a/p Retnam Penolong Pengarah Kanan bagi menilai ekosistem kerja yang diamalkan di Pejabat SUK Selangor.

Pengauditan kali ini melibatkan enam (6) Zon EKSA yang terdapat di Pejabat SUK Selangor iaitu Zon Amber, Zon Amethyst, Zon Citrine, Zon Crystal, Zon Firus dan Zon Zircon. Rumusan daripada pengauditan yang telah dilaksanakan, secara umumnya Pejabat SUK Selangor telah berjaya melaksanakan EKSA dan mematuhi keperluan penilaian kriteria - kriteria EKSA serta amat berpuas hati dengan persekitaran kerja serta pembudayaan amalan inovasi dalam kalangan pegawai dan kakitangan Pejabat SUK Selangor. Ini sekaligus menjadikan Pejabat SUK Selangor telah berjaya dipersijilkan semula dengan taraf cemerlang daripada pihak MAMPU.

Komitmen sokongan daripada semua warga kerja Pejabat SUK Selangor merupakan di antara kunci terbaik selain mendapat sokongan daripada pihak pengurusan bagi menjayakan pelaksanaan EKSA ini. Pensijilan ini merupakan kali kedua berjaya dipersijilkan selepas jabatan ini telah dipersijilkan Cemerlang pada tahun 2018 yang lalu.

TEMPAT : PEJABAT SUK SELANGOR | 12 - 13 OKTOBER 2020






TEMPAT : PEJABAT SUK SELANGOR | 12 - 13 OKTOBER 2020

# SESI PENGAUDITAN BERLANGSUNG





TEMPAT : FOYER PEJABAT SUK SELANGOR  
TARIKH : 25-26 OKTOBER 2020

# 1032 PETUGAS JALANI UJIAN SARINGAN COVID-19

Seramai 1032 individu yang terdiri daripada Ahli Dewan Negeri, Ketua dan wakil jabatan, kumpulan media dan petugas persidangan telah menjalani Ujian Saringan Covid-19 sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020.

Ujian Saringan yang diadakan secara berpusat di Foyer Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah diadakan selama 2 hari bermula 25 – 26 Oktober 2020 dari jam 10 pagi hingga 5 petang.

Dewan Negeri Selangor mewajibkan kemasukan ke mesyuarat persidangan pada kali ini perlu menjalani dan mengemukakan keputusan ujian saringan Covid-19 sebagai pencegahan terhadap wabak ini.



Ini merupakan kali kedua diadakan ujian saringan selepas diadakan kali pertama pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga yang berlangsung pada Julai 2020 lalu.

Hasil daripada saringan yang dijalankan pada hari tersebut mendapati kesemua mendapati kesemua 1032 individu yang menjalani ujian saringan adalah negatif Covid-19.




# PEMBENTANGAN BELANJAWAN SELANGOR 2021

TEMPAT : DEWAN NEGERI SELANGOR | 30 OKTOBER 2020

Pembentangan Belanjawan Selangor bagi Tahun 2021 telah dibentangkan pada 30 Oktober 2020 bersamaan Jumaat 13 Rabiulawal 1442 Hijrah di Dewan Negeri Selangor bermula pada jam 3.00 petang bertemakan Melakar Realiti Baharu: Memperkasa Ekonomi Bermaruah Paksi Kececalan Rakyat.



Belanjawan kali ini memfokuskan kepada 5 tonggak iaitu :-





Belanjawan ini telah diperhalusi dari pelbagai pandangan dengan mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan mereka yang terhimpit akibat masalah sara hidup rakyat dan kestabilan ekonomi memandangkan pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif dalam pelbagai perkara.

# PEMBENTANGAN BELANJAWAN SELANGOR 2021

TEMPAT : DEWAN NEGERI SELANGOR | 30 OKTOBER 2020





TEMPAT : DEWAN NEGERI SELANGOR | 30 OKTOBER - 11  
NOVEMBER 2020

## MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN

# 2020

Persidangan Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020 telah dijalankan dalam normal baharu ketika negara berhadapan pandemik COVID-19.

Prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi adalah dengan pemakaian pelitup muka, penyediaan cecair pembasmi kuman serta jarak sosial satu meter tempat duduk ketika persidangan Dewan Negeri berlangsung. Semua yang terlibat termasuk Ahli Dewan Negeri, pegawai kerajaan, petugas media dan petugas pembersihan perlu menjalani saringan suhu badan sebelum dibenarkan masuk.



TEMPAT : DEWAN NEGERI SELANGOR | 30 OKTOBER - 11  
NOVEMBER 2020

## MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN

# 2020



Persidangan Dewan Negeri telah dijalankan selama sembilan hari bermula 30 Oktober 2020 sehingga 11 November 2020 berjalan dengan lancar di mana semua yang terlibat telah mematuhi arahan yang ditetapkan.





TEMPAT : DEWAN NEGERI SELANGOR | 30 OKTOBER - 11  
NOVEMBER 2020

## MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN

# 2020



# MAJLIS PENYERAHAN SUBSIDI PROGRAM RIDE 2020

Pada yang lalu, YAB Dato' Menteri Besar telah menyampaikan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) kepada seramai 100 peserta program bertempat di Dataran Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Inisiatif ini telah dilancarkan pada 1 Ogos 2020 dan telah menggalakkan minat golongan belia menceburi perniagaan berasaskan khidmat penghantaran, terutama sejak penularan Covid-19 dan PKP yang bermula pada bulan Mac 2020. RiDE ini membuka peluang yang luas untuk anak muda Selangor meneroka bidang perniagaan ini.



Kerajaan negeri juga telah membiaya kursus e-panggilan bernilai RM150 dengan Rantaian E-Bekalan Digital Selangor (Seldec), BungkusIt, Zepto Express, Warong Rider dan Foodpanda dengan manfaat caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial sebanyak RM70 setahun.

Dalam Program RIDE ini seramai 3,000 belia miskin bandar mendapat subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350 dan program ini bakal diteruskan untuk tahun 2021 dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.



# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEBAJIKAN HARI KRIMAS PERINGKAT NEGERI SELANGOR

TEMPAT :BALLROOM DEWAN JUBLI PERAK | 21 DISEMBER 2020

21 Disember 2020, bertempat di Ballroom Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir bagi menyampaikan sumbangan untuk sambutan perayaan Hari Krismas. Sumbangan yang berjumlah RM240,000 telah diperuntukkan untuk penganut Kristian yang kurang berkemampuan bagi menyambut Krismas.

Sumbangan ini akan diberikan kepada lebih 2,000 orang dan bantuan diserahkan kepada tiga badan induk Christian Federation of Malaysia (CFM) sebanyak RM80,000 setiap satu badan.

Badan-badan ini telah dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan selain diberi kepada gereja-gereja untuk Hari Krismas.



# MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH



## PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Seramai sembilan wakil dari agensi berbeza telah hadir pada hari tersebut yang terdiri daripada tiga kategori yang berbeza. Merangkumi Kategori Pejabat Daerah/Tanah, Kategori Pihak Berkuasa Tempatan dan Kategori Lain-Lain Agensi. Majlis penyampaian Anugerah yang julung-julung kali diadakan dalam norma baharu di mana wakil yang hadir perlu mematuhi SOP ditetapkan oleh kerajaan terdiri daripada mengamalkan penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka serta polisi tidak bersalaman.

Berikut merupakan senarai pemenang dalam Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) :-

KATEGORI			
KATEGORI PEJABAT DAERAH/ TANAH	Pejabat Daerah / Tanah Gombak	Pejabat Daerah/Tanah Klang	Pejabat Daerah/Tanah Petaling
KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Majlis Perbandaran Selayang	Majlis Bandaraya Subang Jaya
KATEGORI LAIN-LAIN AGENSI	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
	<b>JOHAN</b>	<b>TEMPAT KEDUA</b>	<b>TEMPAT KETIGA</b>



# SESI PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN

TEMPAT : PEJABAT DATO' SUK SELANGOR | 30 OKTOBER 2020



**PUAN HAJAH SITI ZUBAIDAH BINTI ABD JABAR**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO), PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI  
SELANGOR (PKNS)**

*Tahniah atas  
perlantikan*



## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Telefon : 03-55447000 | Emel : [webadmin@selangor.gov.my](mailto:webadmin@selangor.gov.my)



[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)



[@selangorstategovernment](https://www.facebook.com/selangorstategovernment)



[@pejabatsukselangor](https://www.instagram.com/pejabatsukselangor)